

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PREMIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM) 2014

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Lesen
4. Permohononan untuk mendapatkan lesen
5. Fi tidak boleh dibayar balik
6. Notis pemberhentian
7. Tong sampah yang mencukupi
8. Sampah pepejal basah
9. Pembuangan sampah
10. Bekalan air
11. Tandas mestilah dilengkapi dengan kertas tisu, bahan pencuci, dll.
12. Pili air hendaklah disediakan untuk bersuci
13. Kegunaan tandas
14. Kebersihan
15. Pencahayaan mencukupi

Undang-Undang Kecil

16. Ganti udara
17. Peruntukan bilik mes
18. Pencegahan
19. Bahan-bahan mudah terbakar
20. Penyimpanan
21. Pembakaran
22. Penyebaran habuk
23. Kacau ganggu
24. Waktu perniagaan
25. Penggantungan atau pembatalan lesen
26. Lesen sementara
27. Kuasa untuk memasuki bagi tujuan pemeriksaan
28. Lesen tidak boleh dipindahmilik
29. Penalti
30. Mengkompaun kesalahan
31. Pemansuhan dan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PREMIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM) 2014

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] sebagaimana yang diubah suai di bawah Perintah Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim (Pengubahsuaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2011, Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim membuat, dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim) 2014**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“industri” ertinya apa-apa perniagaan, tred, perusahaan, pengilangan atau pekerjaan majikan dan termasuk apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, pengajian, pertukangan tangan atau pekerjaan industri atau vokasion pekerja dan termasuk perusahaan di rumah dan kilang-kilang;

“kacau ganggu” ertinya sesuatu perbuatan, ketinggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan, kekusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak-hak penduduk umumnya;

“lesen” ertinya apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini mengenai apa-apa tred, perniagaan dan perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacauganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam seperti yang dinyatakan dalam Jadual;

“Majlis” ertinya Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim;

“Pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pemegang lesen” ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“perniagaan” termasuklah apa-apa bentuk tred, perdagangan, pekerjaan tangan, kepandaian, profesion atau aktiviti-aktiviti lain yang dijadualkan bagi maksud keuntungan;

“premis” termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian dan sama ada disenggara atau tidak oleh pihak berkuasa tempatan;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim ;

“tred” ertinya apa-apa jenis aktiviti perdagangan yang dinyatakan dalam Jadual;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Lesen

3. (1) Tiada seseorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh, dengan budi bicara yang mutlak, mengurangkan bayaran lesen mana-mana premis tersebut dengan tidak lebih dari setengah kadar yang telah ditetapkan untuk tred, perniagaan atau perindustrian yang berkenaan jika difikirkannya patut.

Permohonan untuk mendapatkan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah dibuat kepada Majlis mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh menyuruh mana-mana pemohon untuk pengeluaran atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau bagi sesuatu perbadanan atau firma melalui seorang wakil semasa lesen dikeluarkan atau diperbaharui.

(3) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada-

- (a) bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual;
- (b) apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan di dalamnya; dan
- (c) apa-apa bayaran yang akan ditentukan oleh Majlis.

(4) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

(5) Majlis boleh mengeluarkan lesen bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

(6) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari sesuatu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

Fi tidak boleh dibayar balik

5. Fi yang dibayar bagi lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 tidak boleh dibayar balik.

Notis pemberhentian

6. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Majlis secara bertulis sebaik sahaja dia berhenti mengendalikan premis tred, perniagaan dan perindustrian itu.

Tong sampah yang mencukupi

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang mencukupi.

Sampah pepejal basah

8. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah.

Pembuangan sampah

9. Semua sampah sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang dengan cara sebagaimana diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Bekalan air

10. Tempat atau premis yang dilesenkan itu hendaklah disambungkan ke bekalan air awam.

Tandas mestilah dilengkapi dengan kertas tisu, bahan pencuci, dll.

11. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah dan alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung atau tuala bersih dan kertas tisu.

Pili air hendaklah disediakan untuk bersuci

12. Tiap-tiap tandas hendaklah disediakan dengan pili air dan baldi atau getah penyalur untuk bersuci.

Kegunaan tandas

13. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.

Kebersihan

14. (1) Pemegang lesen mana-mana premis tred, perniagaan atau perindustrian hendaklah menyenggara atau menyebabkan disenggara tiap-tiap bahagian premis tred, perniagaan dan perindustrian termasuk tandas, pasangan dan lekapan, supaya berada dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa.

(2) Pemegang lesen mana-mana premis tred, perniagaan atau perindustrian tidak boleh-

- (a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong karung atau benda atau lain-lain barang dibuang ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di sesuatu tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (c) menjemur apa-apa benda makanan atau benda-benda lain atau barang di mana-mana longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan yang di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (d) membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair kotor dari apa-apa jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (e) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sampah, tred, sampah atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.

Pencahayaan mencukupi

15. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pencahayaan mencukupi disediakan sehingga memuaskan Majlis.

Ganti udara

16. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya ganti udara yang cukup di tempat dan premis berlesen itu hingga memuaskan Majlis dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara ganti udara itu dijaga dalam keadaan baik dan keadaan boleh digunakan.

Peruntukan bilik mes

17. Majlis boleh dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan yang secukupnya seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerobok dan memperbaikinya jika Majlis berpendapat kemudahan-kemudahan yang ada itu tidak mencukupi.

Pencegahan

18. Pemegang lesen hendaklah memastikan-

- (a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang mencukupi dan tangga serta jalan keluar yang mencukupi disediakan dan disenggarakan hingga memuaskan pihak berkuasa berkaitan dan Majlis;
- (b) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas dari segala halangan;
- (c) bahawa setiap pintu di dalamnya terbina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

Bahan-bahan mudah terbakar

19. (1) Bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang rekabentuknya telah mendapat kelulusan.

(2) Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 23 darjah *centigrade* disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45 liter, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Majlis.

Penyimpanan

20. Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu daripadanya.

Pembakaran

21. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah atau buangan dalam kawasan Majlis.

Penyebaran habuk

22. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, wap asap, wap, haba gas, pancaran, bau hiduan,

getaran, asap atau jelaga daripada tempat atau premis berlesennya yang pada pendapat Majlis adalah suatu kacau ganggu atau yang mencemarkan udara.

Kacau ganggu

23. Pemegang lesen semasa menjalankan trednya tidak boleh membuat atau menyebabkan apa-apa kacau ganggu.

Waktu perniagaan

24. Majlis boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tertentu tidak dibenarkan dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Majlis dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.

Penggantungan atau pembatalan lesen

25. Majlis boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan lesen jika terdapat mana-mana pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau mana-mana pelanggaran peruntukan Undang-Undang Kecil ini:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua di dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengecualikan pemegang lesen daripada dikenakan tindakan pendakwaan.

Lesen sementara

26. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti pertimbangan oleh Majlis ke atas permohonan bagi suatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara tidak boleh melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(5) Jika permohonan bagi suatu lesen telah ditolak oleh Majlis, lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah menjadi tidak sah dengan serta-merta.

(6) Fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan hendaklah tidak melebihi jumlah fi yang ditetapkan dalam Jadual.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian yang dikeluarkan dibawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk memasuki bagi tujuan pemeriksaan

27. Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh-

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang Majlis percaya dengan munasabahnyanya digunakan bagi maksud apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (b) meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian itu apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

28. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

Penalti

29. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Mengkompaun kesalahan

30. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

Pemansuhan dan peralihan

31. (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim) 1998 [K.P.U. 7] adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

(undang-undang kecil 4(1))

FI PEMROSESAN LESEN

(a)	Perniagaan	:	RM 50.00
(b)	Perindustrian	:	RM100.00

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

Salinan lesen yang diperakui : RM 50.00

FI PEMROSESAN PINDAH MILIK LESEN

Fi pemprosesan : RM 50.00

JADUAL KEDUA

[undang-undang kecil 4(3)]

FI LESEN TAHUNAN

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
1. PERINDUSTRIAN			
A. BAHAN KIMIA			
1. Asid, pelarut, alkali			500.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	750.00	—
2. Kalsium karbida dan kimia yang sejenis			500.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	750.00	—
3. Cecair yang berbahaya yang melebihi 25 liter atau bahan berbahaya yang melebihi 23kg berat			500.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	750.00	—
4. Petrol/Diesel/LPG/LNG dan gas lain			500.00
Isipadu:			
(a) Hingga 10,000 liter	—	1,000.00	—
(b) Dari 10,001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	2,500.00	—
(c) 250,000 liter dan ke atas	—	3,500.00	—
(d) Apabila melebihi 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	4,500.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
5. Minyak tanah dan bahan api yang lain			500.00
Isipadu:			
(a) Hingga 10,000 liter	—	1,000.00	—
(b) Dari 10,001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	2,500.00	—
(c) 250,000 liter keatas	—	3,500.00	—
(d) Apabila melebihi 250,000 liter bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	4,500.00	—
6. Minyak Pelincir dan minyak yang sejenis dengannya			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
7. Baja			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
8. Racun			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
9. Bahan letupan termasuk mercun dan bunga api			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
10. Mancis			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
11. Cat, selulos dan kimia yang sejenis dengannya			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
12. Ubat farmasi dan produk lain yang berkaitan			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
13. Ubat nyamuk, penyembur serangga dan produk lain yang berkaitan			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
14. Bahan petroleum dan campuran petroleum			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
15. Aktiviti lain yang menggunakan atau menghasilkan apa-apa bahan kimia			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
B. BAHAN LOGAM			
1. Suasa dan amalgam termasuk bahan logam lain			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
2. Aluminium, tembaga, emas, perak, piuter, besi, timah putih, keluli atau logam lain			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
3. Melebur bijih timah, besi dan bahan logam			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
4. Logam bernilai dan batu permata			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
5. Logam sekerap			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
6. Alat gantian automobil dan motorsikal/ motorsikal/ kenderaan bermotor/ traktor/ <i>forklift</i> / mesin berat			1,000.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
7. Basikal dan mesin ringan			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
8. Pam dan Penapis			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
9. Perusahaan logam atau penghasilan logam lain			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
C. BAHAN GETAH, PLASTIK, KAYU, KACA, KULIT DAN KERTAS			
1. Tayar dan tiub			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
2. Mencelup tayar dan kerja pembulkanan			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
3. Bahan daripada getah atau getah hitam			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
4. Barang daripada plastik dan barangan daripada PVC			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
5. Barang daripada kayu (termasuk papan lapis), rotan, buluh dan sejenis dengannya			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
6. Kulit atau barangan daripada kulit			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
7. Bahan pelekat			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
8. Bahan kaca atau gentian kaca			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
9. Bekas daripada kaca, plastik dan logam			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
10. Kasut, selipar dan kasut lain			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
11. Membuat atau menyimpan hasil kertas			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
12. Arang batu atau kayu arang			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
13. Bahan lain daripada getah, plastik, kayu, kaca, kulit dan kertas			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

D. BAHAN PEMBINAAN DAN BANGUNAN

1. Asbestos atau zink			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
2. Simen atau barang daripada simen atau batu			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
3. Formika dan bahan daripada kayu			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
4. Bata, genting, bumbung, dinding, lantai, batu marmar, batu dan bahan lain yang berkaitan			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
5. Kuari			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
6. Loji <i>crusher</i> dan jentera			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
7. <i>Batching plant</i>			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
8. Kawat duri, kawat jaring dan pagar berangkai			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
9. Bahan bangunan dan binaan lain			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
E. KAIN DAN JERAMI			
1. Permaidani, benang, tekstil dan bahan yang sejenis			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
2. Tali benang, tali plastik, tali guni dan jerami asli lain			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
3. Kilang mengait atau menenun, membuat fabrik, tekstil dan kilang pakaian			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
4. Batik dan songket			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—
5. Sarung kusyen			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m ²	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m ²	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
6. Bahan lain dari kain dan jerami			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

F. PERALATAN KEPERLUAN RUMAH

1. Membuat gam atau lilin atau mencairkan lemak binatang			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
2. Detergen, bahan pencuci dan bahan yang berkaitan			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
3. Ubat gigi, sabun pembersih, alat solek, bedak muka, krim rambut, minyak rambut atau syampu			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
4. Pinggan mangkuk dan periuk			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
5. Peralatan keperluan rumah lain			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

G. PERUSAHAAN, PEMASANGAN DAN KEJURUTERAAN

1. Badan kereta, motor atau kenderaan berjentera			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
2. Loji pemasangan kereta motor atau jentera			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
3. Enjin kenderaan atau jentera			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
4. Alat ganti dan alat tambahan kenderaan bermotor atau jentera			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
5. Penyaman udara			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
6. Membaiki, mengecat dan servis kenderaan bermotor, jentera atau mesin berat			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
7. Alat elektronik, elektrik atau mekanikal			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	750.00	—
8. Kerja kejuruteraan dan elektrik			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	750.00	—
9. Kerja <i>electro-plating</i> dan <i>gulfvanising</i>			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	750.00	—
10. Kerja kimpalan			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	750.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
H. PERINDUSTRIAN LAIN			
1. Bateri			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
2. Kontena			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
3. Tembakau dan rokok			1,000.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,500.00	750.00	—
(b) Melebihi 501m2	2,500.00	1,500.00	—
4. Makanan haiwan			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
5. Penapis			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
6. Anti karat / pelindung / kalis			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
7. Bahan bangunan/ kotak/guni/ tong/ botol/ bulu burung/ surat khabar dan besi buruk			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
8. Pembuatan mainan kanak-kanak			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
9. Memproses bahan-bahan berbulu			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
10. Rekod, pita, cakera padat dan seumpamanya			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
11. Kabel dan wayar			500.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
12. Bahan penggilap			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
13. Gabus puncak dan lain-lain penutup botol			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
14. Dakwat			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
15. Alat tulis			360.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
16. Aktiviti perindustrian yang mengganggu atau berbau busuk atau mengakibatkan bunyi bising atau kawalan kualiti efluen dikehendaki			600.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—
17. Aktiviti perindustrian yang tidak termasuk di dalam Jadual ini			600.00
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	500.00	—
(b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
18. Aktiviti perindustrian yang tidak termasuk di dalam Jadual ini			600.00
Isipadu :			
(a) Hingga 10,000 liter;	–	1,000.00	–
(b) Dari 10,001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya;	–	640.00	–
(c) 250,000 liter dan ke atas;	–	3,200.00	–
(d) Apabila melebihi 250,000 liter bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	–	200.00	–

JADUAL KETIGA

[undang-undang kecil 4(3)]

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
II. PERKHIDMATAN			
1. Memotong atau mencanai kaca atau membuat bingkai	500.00	500.00	360.00
2. Bengkel perabot, pertukangan atau kusyen	1,000.00	500.00	360.00
3. Menjual peralatan pengiklanan dan pembuatan papan tanda dan bahan-bahan lain yang berkaitan	1,000.00	500.00	360.00
4. Mengisar simen	1,000.00	750.00	360.00
5. Kawalan serangga	–	500.00	360.00
6. Tukang paip	–	500.00	360.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
7. Stesyen mengisi minyak petrol, diesel, LPG, LNG dan gas lain			
Isipadu:			
(a) Hingga 500 liter	—	—	500.00
(b) Daripada 501 liter hingga 2,500 liter	—	—	650.00
(c) Daripada 2,501 liter hingga 10,000 liter	—	—	750.00
(d) Daripada 10,001 liter tetapi kurang 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	—	850.00
(e) 250,000 liter dan ke atas	—	—	3,200.00
(f) Daripada 250,000 liter tetapi kurang 500,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	—	250.00
(g) Bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya, apabila melebihi 500,001 liter	—	—	360.00
8. Perniagaan percetakan atau menjilid buku	1,000.00	500.00	500.00
9. Pertukangan batu termasuk batu nisan	—	—	360.00
10. Perkhidmatan valet	—	—	500.00
11. Perkhidmatan kawalan keselamatan	—	—	1,000.00
12. Perkhidmatan Kiriman Cepat	—	—	500.00
III. INSTITUSI			
1. Institusi elektronik	—	—	500.00
2. Institusi latihan	—	—	500.00
3. Institusi perdagangan	—	—	500.00
4. Institusi peragaan	—	—	500.00
5. Institusi penyelidikan dan pembangunan	—	—	1,000.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
6. Institusi seni	–	–	500.00
7. Institusi teknologi maklumat	–	–	1,000.00
8. Sekolah memandu kenderaan	–	–	500.00
9. Hospital persendirian	–	–	1,000.00
10. Institusi akademik :			
(a) Tadika/ taska/ taman asuhan kanak-kanak	–	–	250.00
(b) Sekolah persendirian	–	–	1,000.00
(c) Institusi pengajian tinggi swasta/ kolej swasta	–	–	1,000.00
(d) Institusi pendidikan lain :			
(i) berorientasi keuntungan	–	–	250.00
(ii) tidak berorientasi keuntungan	–	–	–
(e) Akademi lain	–	–	500.00
(f) Pusat tuisyen	–	–	300.00
11. Studio latihan muzik/ tarian / nyanyian	–	–	500.00
12. Pusat atau studio rakaman	1,000.00	500.00	500.00
13. Pusat penjagaan persendirian:			
(a) orang tua	–	–	300.00
(b) kanak-kanak cacat	–	–	300.00
14. Pusat kebajikan persendirian	–	–	250.00
15. Pusat kebajikan bukan persendirian	–	–	50.00
16. Pusat rekreasi persendirian	–	–	1,000.00
17. Pusat latihan golf	–	–	500.00
IV. AGENSI / FIRMA PERDAGANGAN			
1. Agensi hartanah	–	–	500.00
2. Agensi import / eksport	–	–	500.00
3. Agensi insuran	–	–	500.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
4. Agensi jualan kenderaan berat / jentera	—	1,500.00	1,500.00
5. Agensi jualan kenderaan baru	—	1,000.00	1,000.00
6. Agensi jualan kenderaan terpakai atau lelong	—	1,000.00	1,000.00
7. Agensi jualan motosikal /skuter	—	750.00	750.00
8. Agensi pekerjaan	—	—	500.00
9. Agensi pelancongan	—	—	500.00
10. Agensi pemborong binaan	—	500.00	500.00
11. Agensi pengangkutan	—	—	500.00
12. Agensi pengiklanan/papan tanda	—	500.00	500.00
13. Agensi perumahan/komersial	—	—	500.00
14. Agensi reka bentuk dalaman dan perkakas rumah	—	—	500.00
15. Agensi salun kecantikan dan perawatan	—	—	500.00
16. Agensi pasaran saham	—	—	500.00
17. Agensi pengurup wang	—	—	500.00
18. Agensi peminjam wang	—	—	500.00
V. MEMBAIKI KENDERAAN DAN SERVIS			
1. Pusat servis tayar termasuk mengimbang tayar dan pengajaran tayar (menjual, menyeter dan menservis)	—	500.00	500.00
2. Membaiki, mengecat atau servis kenderaan	—	500.00	500.00
3. Mengetuk, pematerian atau mengecat	—	500.00	500.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
4. Pemasangan penyaman udara kenderaan	–	500.00	500.00
5. Mencuci dan/atau mengilatkan kenderaan	–	500.00	500.00
6. Peralatan kenderaan bermotor, aksesori dan alat ganti	–	750.00	750.00
7. Bengkel kereta, motosikal dan jentera	–	750.00	750.00
VI. PERNIAGAAN			
1. (i) Akuarium	–	300.00	300.00
(ii) Binatang belaan	–	300.00	300.00
(iii) Makanan haiwan	–	300.00	300.00
(iv) Apa-apa perniagaan dari hasil binatang tidak termasuk burung layang-layang	–	300.00	300.00
2. Bateri	–	500.00	500.00
3. Colok, kertas sembahyang dan bahan lain yang berkaitan	–	300.00	300.00
4. Membaiki, membuat semula dan menjual barangan elektrik	–	500.00	500.00
5. Kedai membuat kunci	–	300.00	300.00
6. Kedai barang binaan	–	500.00	500.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
7. Kedai memproses gambar	1,000.00	500.00	300.00
8. Kedai barang terpakai	—	500.00	100.00
9. Kios (dalam bangunan atau pusat membeli belah):			
Keluasan :			
(a) tidak melebihi 6m2	—	—	200.00
(b) 6m2 dan ke atas	—	—	250.00
10. Kedai alat pejabat	—	300.00	300.00
11. Kedai alat solek	—	300.00	300.00
12. Kedai emas / Tukang emas	1,000.00	500.00	500.00
13. Pajak gadai	750.00	750.00	750.00
14. Kedai barangan kemas	500.00	500.00	500.00
15. Kedai cermin mata / peralatan penglihatan	—	500.00	300.00
16. Pasar raya, emporium, pasar mini, kedai runcit atau serbaneka			
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	—	—	500.00
(b) Melebihi 501m2	—	—	1,000.00
(c) 1,001m2 hingga 2,000m2	—	—	1,500.00
(d) Melebihi 2,001m2	—	—	2,000.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
17. Pasar besar			
Keluasan :			
(a) Tidak melebihi 500m2	—	—	1,000.00
(b) Melebihi 501m2	—	—	1,500.00
(c) 1,001m2 hingga 2,000m2	—	—	2,000.00
(d) Melebihi 2,001m2	—	—	4,000.00
18. Kaset, pita, rekod, cakera padat atau cakera digital video (penjualan dan penyewaan)	1,000.00	500.00	300.00
19. Kedai jam	—	—	300.00
20. Kedai alat tulis	—	500.00	300.00
21. Kedai buku	—	500.00	300.00
22. Kedai elektrik	—	500.00	300.00
23. Kedai perabot	1,000.00	500.00	300.00
24. Kedai keranda	1,000.00	500.00	300.00
25. Kedai alat atau kelengkapan muzik	1,000.00	500.00	300.00
26. Kedai perjudian atau ramalan nombor	—	—	1,000.00
27. Kedai telekomunikasi atau wartel	—	—	300.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
28. Kedai bunga dan pasu	–	500.00	300.00
29. Kedai kasut	–	500.00	300.00
30. Farmasi	–	500.00	300.00
31. Kedai ubat tradisional dan herba	–	500.00	300.00
32. Kedai besi / barang logam	–	–	300.00
33. Kedai barang aluminium	–	500.00	300.00
34. Kedai barang pewter	1,000.00	500.00	300.00
35. Kedai pasu, pinggan mangkuk dan barangan tembikar lain	1,000.00	500.00	300.00
36. Kedai kulit atau barangan dari kulit binatang	1,000.00	500.00	300.00
37. Kedai barangan getah	–	500.00	300.00
38. Kedai barang plastik	–	500.00	300.00
39. Kedai peralatan menjahit / sulam / bunga plastik	–	500.00	300.00
40. Kedai dobi dan cuci kering	–	500.00	300.00
41. Kedai basikal	–	500.00	300.00
42. Kedai cat	–	500.00	300.00
43. Kedai cenderamata	1,000.00	500.00	300.00
44. Butik baju / butik pengantin	–	500.00	300.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
45. Kedai hiasan rumah	—	500.00	300.00
46. Kedai tekstil	—	500.00	300.00
47. Kedai barangan mainan kanak-kanak	—	500.00	300.00
48. Kedai tukang jahit	—	—	300.00
49. Kedai pemborong	—	500.00	300.00
50. Kedai komputer / peralatan komputer	—	500.00	300.00
51. Kedai peralatan saintifik	—	500.00	300.00
52. Kedai peralatan sukan	—	500.00	300.00
53. Kedai racun dan bahan kimia	—	800.00	300.00
54. Kedai permaidani	—	500.00	300.00
55. Kedai runcit	—	500.00	300.00
56. Kedai barangan antik	—	500.00	300.00
57. Kedai peralatan seni	—	500.00	300.00
58. Kedai rokok dan tembakau	—	500.00	500.00

VII. HIBURAN AWAM

1. Pusat hiburan keluarga

Keluasan :

(a) tidak melebihi 92m2 persegi	—	—	1,000.00
(b) 93m2 hingga 186m2	—	—	1,500.00
(c) melebihi 187m2	—	—	2,000.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
2. Perniagaan Pusat Siber	—	—	360.00
3. Perniagaan Kafe Siber	—	—	500.00
4. Dewan dansa	—	—	1,000.00
5. Disko	—	—	2,000.00
6. Gelanggang bowling	—	—	300.00
(a) Tambahan setiap lorong	—	—	50.00
7. Gelanggang "ice skating"	—	—	500.00
8. Gelanggang kasut roda	—	—	500.00
9. Gimnasium	—	—	500.00
10. Kelab malam	—	—	2,000.00
11. Mandi sauna / SPA / terapi kulit	—	—	500.00
12. Pawagam / Cineplex / Teater			
(a) 500 buah kerusi pertama	—	—	1,000.00
(b) Tambahan setiap kerusi	—	—	10.00
13. Pertunjukan :			
(a) Perdagangan dan Perindustrian	—	—	500.00 (sebulan)
(b) Pentas / konsert	—	—	500.00 (sebulan)
(c) Sarkas	—	—	500.00 (sebulan)
14. Pusat snuker/billiard (bagi setiap meja)	—	—	150.00
15. Tayangan cakera laser	—	—	1,000.00
16. Kelab persendirian	—	—	1,000.00
VIII. PEJABAT			
Pejabat	—	—	500.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
IX. GUDANG DAN SETOR			
1. Stor menyimpan sisa toksik / bahan kimia/bahan merbahaya			
Keluasan :			
(a) tidak melebihi 92m2	—	—	1,000.00
(b) dari 93m2 hingga 186m2	—	—	2,000.00
(c) melebihi 187m2	—	—	3,000.00
2. Asitilin , oksigen dan L.P.G. melebihi 230 kg	—	—	500.00
3. Aloi dan amalgam termasuk olahan logam lain	—	—	600.00
4. Kabel dan wayar	—	—	500.00
5. Arang batu, kayu arang dan bahan-bahan lain yang berkaitan	—	—	500.00
6. Kaca gentian	—	—	500.00
7. Gas mudah terbakar	—	—	1,000.00
8. Barangan besi dan binaan	—	—	1,000.00
9. Papan lapis	—	—	1,000.00
X. PERTANIAN DAN PENTERNAKAN			
1. Tapak semaian tumbuhan dan pasu	1,000.00	500.00	350.00
2. Ladang ternakan	1,000.00	500.00	350.00
3. Tempat pembiakan	1,000.00	500.00	350.00
4. Kolam memancing / kolam menternak ikan	—	—	350.00

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi	RM Tidak melebihi
5. Perusahaan sarang burung walit			
Keluasan:			
(a) Bagi keluasan ruang lantai 92m2 ke bawah	500.00	—	—
(b) Bagi keluasan ruang lantai 93m2 hingga 186m2	750.00	—	—
(c) Bagi keluasan ruang lantai 187m2 hingga 279m2	1,000.00	—	—
(d) Bagi setiap pertambahan keluasan ruang lantai 46m2	100.00	—	—

XI. LAIN-LAIN

Apa-apa perniagaan yang tidak termasuk di dalam Jadual ini boleh dikenakan bayaran lesen dengan kadar maksimum RM2,000.00

— — —

Diperbuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim pada 6hb Mac 2014
[PBT/L/25/2011 *[uuk]*]

ABD RAHMAN BIN SALLEH
Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada
[PSU(K)]

Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Kedah Darul Aman